



PPPKAM/Majlis Ke-9/SU/AGM/ Nov 2014 (01)

05 November 2014

Semua Ahli  
Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ / Selamat Sejahtera

Saudara/i,

### **SURAT PANGGILAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PPPKAM KE-19**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan dimaklumkan selaras dengan ketetapan peruntukan perlembagaan PPPKAM para 13.1.2, saudara/i semua adalah dijemput hadir ke **Mesyuarat Agung Tahunan PPPKAM ke-19** yang akan diadakan pada tarikh dan tempat seperti butiran di bawah:

Tarikh : **06 Disember 2014 (Sabtu)**

Tempat : **Hotel Residence  
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)  
Kajang, Selangor DE**

Masa : **11.00 AM – 01.00 PM**

2. Saudara/i juga dijemput untuk kemukakan sebarang cadangan usul untuk dibentang dan dibincangkan. Cadangan usul berkenaan hendaklah dihantar menggunakan format yang dilampirkan samada melalui pos, faksimile atau e-mel ([drzaly@yahoo.com](mailto:drzaly@yahoo.com) / [ghazalic@moh.gov.my](mailto:ghazalic@moh.gov.my)) dan sampai ke meja Setiausaha **pada atau sebelum 30 November 2014**. Agenda mesyuarat adalah seperti dilampirkan.

3. Sukacita mohon kerjasama untuk maklumkan pengesahan kehadiran saudara/i kepada kami samada melalui telefon @ emel ke alamat di atas.

Sekian, terima kasih.

**"BERBAKTI KE ARAH KESEJAHTERAAN MASYARAKAT"**

**GHAZALI BIN CHIK**

Setiausaha  
Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia

Sk Presiden PPPKAM

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-19  
PERSATUAN PAKAR PERUBATAN KESIHATAN AWAM MALAYSIA**

**6 Disember 2014 (SABTU)  
Residence Hotel,  
Uniten, Bangi Selangor**

**AGENDA:**

1. Perlantikan Pengerusi dan dua (2) orang Setiausaha Mesyuarat.
2. Ucapan Presiden.
3. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-18.
4. Membentang dan menerima laporan aktiviti 2013/2014.
5. Membentang, membincang dan meluluskan Penyata Kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.
6. Perletakan Jawatan Ahli-ahli Majlis PPPKAM ke-9.
7. Perlantikan Ahli-ahli Majlis PPPKAM ke-10
  - i. Presiden
  - ii. Naib Presiden
  - iii. Setiausaha
  - iv. Penolong Setiausaha
  - v. Bendahari
  - vi. 4 orang Ahli Jawatankuasa
  - vii. 2 orang Pemeriksa Kira-kira
8. Membentang, membincang dan meluluskan usul-usul.
9. Ucapan penangguhan.